

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI**

**TARIKH: 10 JUN 2014**

**SOALAN:**

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Kuala Krai ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah punca Ketua Pegawai Eksekutif Pembangunan Sumber Manusia berhad, Ali Badaruddin Abdul Kadir telah diminta untuk mengosongkan jawatannya hanya selepas 8 bulan beliau bertugas di situ.**

**PR-1322-L63054**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Sebagai anggota perkhidmatan awam, pegawai boleh ditempatkan dan ditukarkan ke mana-mana Kementerian/Jabatan/Agensi yang bersesuaian atas keperluan dan kepentingan perkhidmatan.

2. Pertukaran Encik Ali Badaruddin Abdul Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif Pembangunan Sumber Manusia (PSMB) adalah merupakan proses biasa bagi pertukaran Pegawai PTD dan telah

menerima arahan perpindahan dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mulai 10 April 2014.